

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
TELEKOM MALAYSIA BERHAD CAWANGAN
NEGERI TERENGGANU

DISEDIAKAN OLEH :

SAYED MOHD TAHMIDIN SAYED IDRISAH
SARAJAH MUDA SAINS
(POLISI AWAM DAN SEKITARAN)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

JABATAN PENGAJIAN AM
FAKULTI PENGURUSAHAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)

2002

1100033022

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LJ 39 FPE 1 2002



1100033022

PT00055022
Laporan akhir latihan industri di Telekom Malaysia Berhad
cawangan Negeri Terengganu / Sayed Mohd Tamimuddin Saye
Ibrahim.



PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100033022

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI TELEKOM MALAYSIA BERHAD CAWANGAN TERENGGANU

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

1100033022

**Untuk Ibuku,
Rokiah
Abdul Rahman
Dan bapaku,
Sayed Ibrahim
Sayed Husin**

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

Penghargaan

Alhamdulillah syukur ke hadrat llahi kerana dengan limpah dan kurnianya saya dapat menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Saya berbesar hati ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Ruzaini binti Sulaiman @ Abdul Rahman selaku Penyelia Latihan Industri saya iaitu SOS 4299 di atas lawatan, segala tunjuk ajar dan teguran yang membina di dalam menyiapkan tugas ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada organisasi yang telah menerima saya untuk latihan industri ini terutama sekali kepada Encik Tajuddin Ambak yang menguruskan penempatan saya. Selain itu, ribuan terima kasih saya ucapkan kepada kakitangan di Bahagian Pengguna Dan Pemiagaan Telekom Malaysia Cawangan Terengganu, terutama sekali kepada Encik Amran Muhamad Nor selaku Penyelia Industri saya, Puan Nik Normah Nik Mustafa, Encik Marzuki Ngah, Puan Rohana Hasin, Encik Sa'ari Ja'afar dan semua kakitangan yang telah memberi tunjuk ajar sepanjang saya berada di Unit ini.

Saya juga ingin mengucapkan berbanyak – banyak terima kasih kepada rakan - rakan yang sedikit sebanyak memberi kerjasama dan juga dorongan yang dapat memperlengkapkan lagi hasil kerja ini. Tidak ketinggalan ucapan terima kasih saya ditujukan buat kedua - dua ibu bapa saya yang sentiasa memberi dorongan serta sokongan. Seterusnya kepada semua yang terlibat dalam menyiapkan tugas ini.

Terima kasih.

ISI KANDUNGAN

| | |
|---------------------|------------|
| Kandungan | muka surat |
| Penghargaan | iii |
| Kandungan | iv |
| Ringkasan Eksekutif | v |

BAB 1 LATARBELAKANG ORGANISASI

| | |
|---|----|
| 1.1. Pengenalan | 1 |
| 1.1.1. Sejarah Ringkas Telekom Malaysia Berhad | 1 |
| 1.1.2. Bahagian Pengguna dan Perniagaan (C&B) Terengganu | 10 |
| 1.1.3. Objektif Bahagian Pengguna dan Perniagaan (C&B) | 13 |
| 1.1.4. Fungsi Bahagian Pengguna dan Perniagaan (C&B) | 14 |
| 1.2. Maklumat Organisasi | 18 |
| 1.3. Struktur Organisasi | 22 |
| 1.4. Carta Organisasi | 23 |
| 1.5. Aktiviti dan Bidang Tugas Kakitangan Di Bahagian Pengguna dan perniagaan | 24 |
| 1.6. Kemahiran Yang Telah Dipelajari | 27 |
| 1.7. Rumusan | 33 |

BAB 2 PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

| | |
|---|----|
| 2.1. Pengenalan | 35 |
| 2.2. Penemuan di bahagian Pengguna dan Perniagaan (C&B), Credit Management Unit (CMU) dan Telekom Sales and Services Sdn. Bhd (TSSSB) | 35 |
| 2.2.1. Mengesan Sistem Sedia Ada | 36 |
| 2.2.2. Mengenalpasti Masalah | 38 |
| 2.3. Analisis Masalah dan Perbincangan Keseluruhan Penemuan | 47 |
| 2.3.1. Rumusan Analisis Perbincangan | 47 |
| 2.3.2. Cadangan, Pelaksanaan dan Impak Penyelesaian | 48 |
| 2.4. Penutup | 53 |

| | |
|---------|----|
| Rujukan | 56 |
|---------|----|

Ringkasan Eksekutif

Sepanjang berada di Bahagian Pengguna Dan Perniagaan, penulis berjaya memupuk diri agar dapat berdikari, bergaul dengan semua kakitangan, berdisiplin dan bertanggungjawab dalam melakukan tugas yang diberikan. Di samping itu, latihan industri ini juga telah mendedahkan penulis kepada situasi pekerjaan sebenar. Melalui latihan ini juga penulis telah dapat melihat perkaitan yang rapat di antara teori yang dipelajari dan kerja. Selain itu, latihan ini juga telah memberi banyak pengalaman yang berguna kepada penulis.

Melalui latihan industri juga penulis dapat menyedari tentang betapa pentingnya proses pembelajaran yang berterusan walaupun berada di alam pekerjaan. Setiap masalah yang timbul difahami dan dipelajari terlebih dahulu sebelum mengambil tindakan untuk menyelesaiannya. Latihan ini juga dapat menyediakan mahasiswa yang bersikap profesional dan matang dalam menjalankan sesuatu tugas serta berupaya menangani pelbagai masalah yang timbul apabila memasuki alam pekerjaan di masa hadapan.

Di samping itu, latihan industri ini juga dapat melatih mahasiswa untuk memahami etika kerja, cara bekerja dan corak pergaulan di antara kakitangan di tempat kerja. Dengan itu, penulis telah mengambil peluang yang ada ini untuk melihat, memahami serta melakukan tugas-tugas yang diserahkan sepanjang menjalani latihan industri di Bahagian Pengguna Dan Perniagaan, Telekom Malaysia Berhad Cawangan Terengganu.